KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	9/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			

PERHILITAN pasang dua perangkap harimau

Kota Bharu: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kelantan melancarkan pemantauan dan kawalan di perkampungan Orang Asli Pos Bihai di Gua Musang, selain turut memasang dua perangkap berkamera, iaitu di Kampung Tendrik dan Kampung Hak.

Pengarahnya, Mohamad Hafid Rohani, berkata setakat ini, pihaknya gagal menangkap dua harimau belang dilaporkan berkeliaran di Kampung Remau, Pos Bihai pada Disember lalu sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk Orang Asli.

"Sudah hampir sebulan kami pasang perangkap, namun belum berhasil. Haiwan ini tidak masuk ke dalam perangkap dipasang walaupun diumpan dengan seekor kambing.

"Kebimbangan semakin memuncak apabila seorang penduduk Orang Asli ditemui mati dibaham harimau ketika berada di bahagian belakang rumahnya. Kami sangat berharap kedua-dua harimau belang yang diburu selama ini dapat ditangkap segera, sekali gus melegakan penduduk kampung," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, media melaporkan seorang lelaki Orang Asli berusia 59 tahun ditemui maut dibaham seekor harimau dalam kejadian di Kampung Sau, Pos Bihai ketika dia dilaporkan sedang menumbuk padi huma bersama anak perempuannya di belakang rumah mereka, kira-kira jam 9.10 pagi.

Mangsa disedari hilang oleh anaknya yang kemudian cuba mencari di belakang rumah sebelum menyedari ada kesan darah pada daun pokok dan terus memanggil orang kampung. Berdasarkan kesan darah itu, penduduk mencari mangsa sebelum mengesan seekor harimau dan membaling lembing ke arah haiwan berkenaan.

Harimau berkenaan lari dan orang kampung bergegas melaporkan perkara itu kepada PERHILITAN yang berada di Sekolah Kebangsaan (SK) Bihai. Pada jam 12.15 tengah hari, kakitangan PERHILIRAN terserempak harimau belang berhampiran dengan mangsa dan terpaksa melepaskan tembakan kerana haiwan itu meluru ke arah mereka.

Pemeriksaan luaran ke atas harimau belang jantan yang dianggarkan berusia tiga tahun dengan berat 120 kilogram (kg) itu kemudian, tidak menemui sebarang kesan jerat pada haiwan terbabit kecuali luka pada bahagian muka dipercayai akibat terkena lembing penduduk kampung sebelum itu.

Mohamad Hafid berkata, pihaknya juga masih belum dapat memastikan sama ada harimau belang yang ditembak mati PERHILITAN susulan kejadian terbabit adalah satu daripada dua ekor haiwan itu yang diburu sebelum ini.

"Biasanya binatang buas ini akan melarikan diri apabila terserempak manusia, namun kami bimbang ia bertindak sebaliknya jika diganggu. Kita minta penduduk yang menemui harimau segera menghubungi kami supaya tindakan sewajarnya dapat diambil," katanya.

> Kebimbangan semakin memuncak apabila seorang penduduk Orang Asli ditemui mati dibaham harimau ketika berada di bahagian belakang rumahnya



Mohamad Hafid Rohani, Pengarah PERHILITAN Kelantan

BH 9.1.2022_11